

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'

Ruj. Kami : JAI.Sel.BKP/04/015/03/
Jld.12()
Tarikh : Oktober 2011

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Seperti Senarai Edaran

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan iklan jawatan kosong (kontrak) di Jabatan Agama Islam Selangor untuk edaran dan dipamerkan di papan kenyataan di organisasi Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan.

3. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg.Dato' / Datin / Tuan / Puan, didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

(HAJI MARZUKI BIN HUSSIN)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

s.k Fail Timbul

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

IKLAN JAWATAN KOSONG

- | 1. | <u>JAWATAN</u> | <u>GREED</u> |
|-----------|--|---------------------|
| A. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
SISWAZAH (PPPS)
(sukatan KBSM) | DG41 |
| B. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)
(sukatan KBSR) | DGA29 |

2. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

Jawatan A & B : Perkhidmatan Pendidikan

3. JADUAL GAJI

- | | | | |
|----|----------------------|---|---|
| 1. | Jawatan A Gred DG41 | : | P1T1:RM1695.85 - P1T27:RM4645.85
P2T1:RM1790.47 - P1T27:RM4924.12
P3T1:RM1889.27 - P1T27:RM5226.19 |
| 2. | Jawatan B Gred DGA29 | : | P1T1: RM1405.71 - P1T23:RM3036.21
P2T1: RM1494.95 - P2T23:RM3235.80
P3T1: RM1587.21 - P3T23:RM3441.59 |

4. TARAF JAWATAN : KONTRAK

5. UMUR (Pada tarikh iklan ditutup)

Calon-calon lantikan terus mesti tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 45 tahun.

6. WARGANEGARA MALAYSIA

7. SYARAT LANTIKAN

JAWATAN A : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH DG41

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T4); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T5); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T6); atau
- (v) Ijazah Sarjana Muda Senibina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:P1T8); atau
- (vi) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T10; bagi ijazah Sarjana Muda Perakaunan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan: P1T11; dan Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia: P1T12);

dan

- (b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JAWATAN B : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA DGA29

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) (i) Diploma dalam bidang perguruan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada maktab-maktab perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DGA29: P1T1); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DGA29: P1T3); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang kejuruteraan atau pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Kursus Perguruan Lepas Diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DGA29: P1T4);
- dan**
- (b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

8. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Untuk Jawatan Kontrak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS-BPN.1) yang boleh diperolehi di alamat Bahagian Khidmat Pengurusan/Unit Pengurusan Sumber Manusia JAIS Tingkat 1, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5, 40676 Shah Alam, Selangor.
- (b) Semua Permohonan hendaklah disertakan dengan **sekeping gambar berukuran passport, salinan Kad Pengenalan, salinan Kad Pengenalan Ibu dan Bapa dan salinan Sijil Kelahiran serta Sijil-Sijil Persekolahan yang berkaitan.**
- (c) Permohonan hanya dibuka untuk **anak Selangor atau bermastautin melebihi 15 tahun disertakan surat pemastautin.**

- (d) Semua salinan sijil hendaklah **diakui sah**.
- (e) **Permohonan yang berikut akan ditolak :-**
 - (i) Tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Tidak memenuhi syarat- syarat kelayakan.
 - (iv) Tidak besertakan gambar.
 - (v) Tidak ditandatangani.

9. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

- (a) Permohonan hendaklah sampai kepada:

**PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR,
TINGKAT 1, MENARA SELATAN,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK,
SEKSYEN 5, 40676 SHAH ALAM.**

Sebelum atau pada **11 NOVEMBER 2011**.

- (b) Hanya calon-calon yang memenuhi syarat-syarat permohonan serta disenarai pendek sahaja yang akan dihubungi untuk sesi temuduga. Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas lima (5) bulan daripada tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.